

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : YB TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)
PERTANYAAN : BERTULIS**

YB TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab 1MDB meluluskan pembayaran sebanyak US\$700 juta kepada Good Star Limited selepas perjanjian syarikat usahasama ditandatangani pada 28 September 2009. Mengapa 1MDB terus menyalurkan US\$160 juta dan US\$330 juta kepada syarikat tersebut pada 2010 dan 2011.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Perkara yang dibangkitkan oleh YB Petaling Jaya Utara adalah berdasarkan laporan berita oleh sebuah portal yang tidak dapat ditentukan kesahihan sumber beritanya. Selaras dengan Peraturan Mesyuarat 23(1)(i) yang menyatakan bahawa sesuatu pertanyaan tidak boleh dikeluarkan berkenaan dengan betul atau tidaknya penerangan-penerangan dalam surat-surat khabar atau penerangan-penerangan yang dikeluarkan oleh seseorang bagi dirinya sendiri atau penerangan badan-badan kewangan

(dengan izin, *“a question shall not be asked as to whether statements in the press or of private individuals or financial bodies are accurate”*).

Tambahan pula, Kerajaan telah memutuskan supaya Jabatan Audit Negara menjalankan kerja-kerja pengauditan ke atas penyata akaun 1MDB dan hasil pengauditan tersebut akan dipanjangkan kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) untuk makluman dan tindakan PAC selanjutnya.

Oleh hal yang demikian, isu-isu berbangkit/ dakwaan/ tuduhan terhadap 1MDB akan dilaporkan oleh Jabatan Audit Negara dan PAC sewajarnya.